



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA  
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Aras 12, Blok E7, Kompleks E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62590 PUTRAJAYA

Tel: 03-8883 2545  
Faks: 03-8889 5542  
Email: anhisham@moh.gov.my

Semua Pengarah Kesihatan Negeri  
Semua Pengarah Institusi  
Pengarah Pusat Darah Negara


Ruj. Kami : KKM.600-1/3/258 JLD 3(15)  
Tarikh : 15 Mei 2019

Y. Bhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

PELAKSANAAN PROGRAM SANGKUTAN KLINIKAL BAGI GRADUAN PERUBATAN WARGANEGARA MALAYSIA DI FASILITI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM).

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.


2. Untuk makluman Y. Bhg Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan, Kementerian telah menerima maklumbalas dari pelbagai pihak yang mencadangkan supaya **graduan perubatan** dibenarkan menjalani *clinical attachment* di fasiliti KKM, sementara menunggu untuk menjalani latihan siswazah. Oleh yang demikian, graduan perubatan bukan sahaja dapat mengisi masa lapang dengan aktiviti yang berfaedah malah mereka juga mendapat pendedahan awal tentang bidang tugas dan suasana kerja doktor yang sebenar.
3. Susulan itu, Garis Panduan Perlaksanaan Program Sangkutan Klinikal di fasiliti KKM telah disediakan berdasarkan input yang diterima menerusi pelbagai siri mesyuarat yang melibatkan Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Perubatan), Ketua-Ketua Perkhidmatan Kepakaran KKM, Pengarah Hospital, Pakar-Pakar dari pelbagai disiplin, Bahagian Sumber Manusia, KKM dan Jabatan Perkhidmatan Awam.
4. Untuk makluman, penyertaan ke Program Sangkutan Klinikal ini hanya dibuka kepada **graduan perubatan warganegara Malaysia** sahaja di mana setiap permohonan perlulah dibuat menerusi Pengarah Kesihatan Negeri yang berkaitan.



CERTIFIED TO ISO 9001:2015  
CERT. NO.: QMS 01897



CERTIFIED TO ISO 9001:2015  
CERT. NO.: QMS 01897



CERTIFIED TO ISO 9001:2015  
CERT. NO.: MY-QMS 01897

permohonan perlulah dibuat menerusi Pengarah Kesihatan Negeri yang berkaitan. Selain itu, tiada yuran penyertaan yang dikenakan ke atas graduan perubatan dan mereka juga tidak akan dibayar sebarang elauan sepanjang menjalani Program tersebut.

5. Program Sangkutan Klinikal ini akan dijalankan selama 6 bulan di mana graduan perubatan akan ditempatkan ke dua disiplin yang berbeza. Sepanjang tempoh tersebut, mereka akan diperkenalkan kepada beberapa elemen penting dalam Program PPS misalnya *16 Core Topics for Continuous Medical Education (CME)* dari buku log latihan siswazah, penggunaan *Clinical Practice Guidelines (CPG)* dan penyertaan dalam latihan asas pertolongan cemas misalnya *Basic Life Support (BLS)* dan *Neonatal Resuscitation Programme (NRP)*.

6. Memandangkan graduan perubatan masih belum memiliki Sijil Pendaftaran Sementara dan hanya diberikan *Qualifiable Letter* dari Majlis Perubatan Malaysia sebelum menyertai Program, maka mereka **tidak dibenarkan** membuat sebarang prosedur klinikal ke atas pesakit (*no clinical hands-on*). Namun, mereka masih berpeluang mempelajari dan memantapkan kaedah pengambilan sejarah penyakit, membuat pemeriksaan fizikal ke atas pesakit dan dibenarkan membuat pemerhatian terhadap prosedur klinikal. Maklumat dan penerangan yang lebih terperinci mengenai Pelaksanaan Program Sangkutan Klinikal bagi graduan perubatan warganegara Malaysia adalah seperti di Lampiran A.

7. Sukacita Y. Bhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan diarah untuk melaksanakan Program Sangkutan Klinikal bagi Graduan Perubatan warganegara Malaysia di fasiliti kesihatan berkuatkuasa mulai tarikh surat ini dikeluarkan. Semua Pengarah Kesihatan Negeri perlu memaklumkan perkara ini kepada semua Pengarah Hospital yang terlibat, Ketua Jabatan yang berkaitan supaya ketetapan ini dapat dilaksanakan dengan lancar dan tersusun.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

*Saya yang menjalankan amanah,*

*jh*  
(DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH)

Sk. Ketua Setiausaha  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan)  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan & Sokongan Teknikal)  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah Perkembangan Perubatan  
Bahagian Perkembangan Perubatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia.

Pengarah Pembangunan Kesihatan Keluarga  
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Setiausaha Bahagian  
Bahagian Sumber Manusia  
Kementerian Kesihatan Malaysia.

Setiausaha Bahagian  
Bahagian Pengurusan Latihan  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Ketua Pegawai Eksekutif  
Majlis Perubatan Malaysia

Semua Pengarah Hospital  
Hospital Latihan Siswazah \_\_\_\_\_



**TATACARA PELAKSANAAN  
PROGRAM SANGKUTAN KLINIKAL  
BAGI GRADUAN PERUBATAN  
WARGANEGARA MALAYSIA DI  
FASILITI KEMENTERIAN  
KESIHATAN MALAYSIA.**

**PROGRAM PEGAWAI PERUBATAN SISWAZAH  
CAWANGAN PERKEMBANGAN PROFESION PERUBATAN  
BAHAGIAN PERKEMBANGAN PERUBATAN  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**MEI 2019**

# **TATACARA PELAKSANAAN PROGRAM SANGKUTAN KLINIKAL BAGI GRADUAN PERUBATAN WARGANEGARA MALAYSIA DI FASILITI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM).**

---

## **1. LATAR BELAKANG**

- 1.1 Mulai tahun 2008, terdapat peningkatan ketara bilangan graduan perubatan yang dihasilkan dari universiti dalam dan luar negara yang mempunyai latar belakang kurikulum yang berlainan, pendedahan kepada penyakit yang pelbagai, peluang menjalankan prosedur yang berbeza-beza dan penggunaan bahasa pertuturan yang berlainan mengikut negara. Keadaan ini sedikit sebanyak menyumbang kepada berlakunya kejutan budaya dalam kalangan Pegawai Perubatan Siswazah (PPS) semasa menjalani latihan siswazah.
- 1.2 Peningkatan ketara bilangan graduan tersebut adalah tidak sejajar dengan peningkatan slot latihan yang ditawarkan di fasiliti KKM. Keadaan ini menyebabkan mereka perlu menunggu dalam tempoh tertentu sebelum boleh dilantik untuk menjalani latihan siswazah.

## **2. ISTILAH DAN KRITERIA**

### **2.1 Maksud dan Kriteria Graduan Perubatan**

- i. Rakyat Malaysia yang mempunyai kelulusan Ijazah Perubatan dari Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) atau Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) samada dari dalam atau luar negara yang tersenarai dalam Jadual Kedua, Akta Perubatan 1971; atau
- ii. Rakyat Malaysia yang mempunyai kelulusan Ijazah Perubatan dari Institusi dari dalam dan luar negara yang bukan dari senarai Jadual Kedua, Akta Perubatan 1971, mestilah terlebih dulu lulus dalam *Examination For Provisional Registration (EPR)* yang dijalankan oleh Majlis Perubatan Malaysia (MPM).
- iii. Graduan perubatan rakyat Malaysia tersebut mestilah telah mendaftar dengan MPM dan diberikan **surat perakuan layak didaftarkan secara sementara (*qualifiable letter*)**

## 2.2 Maksud dan Kriteria Fasiliti Kesihatan

- i. Semua Hospital/ Fasiliti Kerajaan yang telah diakredat sebagai Hospital Latihan Siswazah **TIDAK** terlibat dengan Program Sangkutan Klinikal.
- ii. Semua Fasiliti Kerajaan atau Klinik Kesihatan Kerajaan yang menyediakan Program Sangkutan Klinikal misalnya **Hospital Daerah Berpakar, Hospital Daerah Tanpa Pakar dan Klinik Kesihatan yang mempunyai Pakar Kesihatan Keluarga.**

## 3. OBJEKTIF UTAMA PROGRAM SANGKUTAN KLINIKAL

- 3.1 Merupakan kesinambungan proses pembelajaran supaya tahap pengetahuan dan kemahiran klinikal asas yang telah dipelajari diperingkat universiti dapat dimantapkan sebelum menjalani latihan siswazah.
- 3.2 Memberi pendedahan awal kepada graduan perubatan terhadap cara dan persekitaran bekerja di hospital serta proses suai kenal dengan beberapa disiplin yang berkaitan dengan Program PPS.
- 3.3 Mengurangkan kejutan budaya graduan perubatan semasa menjalani latihan siswazah kerana menerusi program ini mereka akan lebih memahami budaya kerja dan ekpektasi latihan siswazah. Seterusnya mereka akan lebih bersedia dari segi fizikal dan mental untuk menjalani latihan siswazah.

## 4. KONSEP PROGRAM SANGKUTAN KLINIKAL BAGI GRADUAN PERUBATAN WARGANEGARA MALAYSIA.

- 4.1 Graduan perubatan **TIDAK** dibenarkan menjalankan sebarang prosedur klinikal (*No clinical hands-on*) sepanjang menjalani program kerana mereka **HANYA** diberikan *qualifiable letter* sahaja dan masih belum mendapat Sijil Pendaftaran Sementara dari MPM. Oleh yang demikian, berdasarkan Akta Perubatan 1971, graduan perubatan masih tidak layak dan tidak dibenarkan untuk mengendalikan sebarang prosedur klinikal yang melibatkan pesakit.
- 4.2 Namun, graduan perubatan masih boleh mempelajari dan memantapkan kaedah pengambilan sejarah penyakit, membuat pemeriksaan fizikal ke atas pesakit dengan syarat mendapat kebenaran dari pesakit dan membuat

pemerhatian terhadap prosedur klinikal yang dijalankan di hospital atau Klinik Kesihatan.

- 4.3 Pelaksanaan ini **TIDAK** akan memberikan sebarang kelebihan atau menjelaskan peluang kemasukan graduan perubatan untuk menjalani latihan siswazah.

## 5. TATACARA DAN PROSES PELAKSANAAN PROGRAM SANGKUTAN KLINIKAL

- 5.1 Prosedur dan tatacara permohonan untuk menjalani Program Sangkutan Klinikal

- i. Permohonan hanya terbuka kepada graduan perubatan **warganegara Malaysia sahaja** dan hendaklah dikemukakan kepada Pengarah Kesihatan Negeri yang berkaitan dalam tempoh 3 bulan dari tarikh untuk memulakan program tersebut.
- ii. Semua permohonan akan diurus oleh Jabatan Kesihatan Negeri dan kelulusan permohonan akan diputuskan oleh Pengarah Kesihatan Negeri. Setelah itu, satu salinan surat akan diberikan kepada Pengarah Hospital/ Pegawai Kesihatan Daerah yang berkaitan sebagai makluman awal mengenai penempatan graduan perubatan di fasiliti terlibat.
- iii. Pengarah Kesihatan Negeri mempunyai kuasa sepenuhnya samada untuk meluluskan atau menolak permohonan yang dikemukakan tanpa perlu memberi sebarang alasan. Selain itu, Pengarah Kesihatan Negeri juga berhak menentukan bilangan graduan perubatan yang boleh diterima pada satu-satu masa.
- iv. Carta alir mengenai pelaksanaan Program Sangkutan Klinikal adalah seperti di lampiran I dan borang permohonan seperti di lampiran II

- 5.2 Modul Program Sangkutan Klinikal adalah berasaskan modul asas (*basic*) yang digunakan oleh PPS sepanjang menjalani latihan siswazah iaitu:-

- i. Buku log PPS : beberapa elemen penting dalam persediaan awal sebelum memulakan latihan siswazah misalnya *16 core topics for Continuous Medical Education (CME), Direct Observed Procedures (DOPS), Case Based Discussion (CBD) & Minicex* (Lampiran III).

- ii. Pengenalan terhadap penggunaan *Clinical Practice Guidelines (CPG)* yang dikeluarkan oleh KKM misalnya *Management of Dengue Fever*, *Diabetes Mellitus*, *Early Management of Head Injury in Adults* dan *Cardiovascular Diseases* yang boleh didapati dari Portal Rasmi KKM (Lampiran IV).
- iii. Penyertaan dalam latihan asas pertolongan cemas seperti *Basic Life Support (BLS)* dan *Neonatal Resuscitation Programme (NRP)* yang merupakan kemahiran utama yang diperlukan semasa menjalani latihan siswazah.

5.3 Fasiliti kesihatan yang terlibat dalam pelaksanaan Program Sangkutan Klinikal ini adalah:-

- i. Hospital Daerah Berpakar yang **tidak** terlibat dengan Program PPS misalnya Hospital Kluster (*non-lead*).
- ii. Hospital Daerah Tanpa Pakar
- iii. Klinik Kesihatan yang mempunyai sekurang-kurangnya seorang Pakar Kesihatan Keluarga (*Family Medicine Specialist*) dan Pegawai Perubatan Senior yang tidak terlibat dengan Program PPS.

5.4 Tempoh bagi Program Sangkutan Klinikal adalah selama **6 bulan** di mana graduan perubatan akan ditempatkan di 2 disiplin yang berbeza iaitu selama 3 bulan bagi setiap disiplin.

5.5 Graduan perubatan akan ditempatkan ke mana-mana disiplin seperti berikut :-

- i. Perubatan
- ii. Pediatric
- iii. Pembedahan
- iv. Orthopedik
- v. Obstetrik & Ginekologi
- vi. Perubatan Kecemasan
- vii. Kesihatan Primer.

5.6 Penyeliaan dan peraturan semasa menjalani Program Sangkutan Klinikal adalah seperti berikut :-

- i. Semua aktiviti di wad adalah di bawah pengawasan Pakar Perubatan atau Pegawai Perubatan Senior di jabatan yang terlibat.
- ii. Graduan perubatan adalah **tertakluk** kepada semua undang-undang dan peraturan sediada serta mana-mana peraturan yang ditetapkan pihak berwajib dari masa ke masa.
- iii. Graduan perubatan perlu mengetik kad perakam waktu sebagai bukti telah hadir ke Hospital/ Klinik Kesihatan seperti yang ditetapkan.
- iv. Graduan perubatan juga perlu mematuhi etika berpakaian sebagai penjawat awam misalnya mereka perlu mengenakan pakaian yang sopan, memakai tanda nama dan memakai kot putih sepanjang menjalani program tersebut.
- v. Pihak hospital berhak menamatkan program pada bila-bila masa jika didapati graduan perubatan tidak mematuhi mana-mana peraturan yang ditetapkan misalnya tidak hadir bertugas selama 7 hari tanpa sebab munasabah dan lain-lain yang berkaitan.
- vi. Graduan perubatan juga tidak dibenarkan sama sekali untuk mengendali, menyiasat dan merawat mana-mana pesakit di wad tanpa pengawasan dari Pakar Perubatan atau Pegawai Perubatan Senior.
- vii. Segala maklumat, data statistik, rekod perubatan dan lain-lain maklumat yang diperolehi semasa tempoh program dijalankan adalah **SULIT** dan tidak boleh dikeluarkan dari mana-mana fasiliti KKM untuk digunakan bagi sebarang tujuan.
- viii. Pihak Kementerian tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kecederaan yang dialami atau penyakit yang diperolehi semasa graduan perubatan menjalani Program Sangkutan Klinikal.

#### 5.7 Penilaian setelah tamat Program Sangkutan Klinikal

- i. **TIADA** sebarang penilaian bertulis yang perlu dilaksanakan oleh graduan perubatan sepanjang mereka menyertai program ini.
- ii. Pihak Hospital/ Pejabat Kesihatan Daerah akan mengeluarkan surat pengesahan setelah menamatkan program tersebut (lampiran V).

## 5.8 Yuran

- i. **TIADA** sebarang yuran atau bayaran yang dikenakan ke atas graduan perubatan sepanjang mengikuti program.

## 5.9 Elaun

- i. **TIADA** sebarang elaun yang akan dibayar oleh Kerajaan kepada graduan perubatan sepanjang mereka menjalani program.

## 6. PERTANYAAN DAN MAKLUMBALAS

- 6.1 Garis panduan ini hanyalah sebagai panduan bagi membantu dalam mengendalikan permohonan graduan perubatan yang ingin melaksanakan Program Sangkutan Klinikal difasiliti KKM.
- 6.2 Tatacara ini adalah dinamik dan akan dikemaskini serta ditambahbaik dari masa ke semasa. Susulan itu, KKM mengalu-alukan sebarang input dan maklumbalas bagi tujuan pemurnian dan penambahbaikan tatacara pengedalian Program Sangkutan Klinikal terhadap graduan perubatan.
- 6.3 Mana-mana perkara yang tidak dijelaskan dalam tatacara ini akan diputuskan oleh Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia.
- 6.4 Sebarang pertanyaan atau maklumbalas hendaklah dikemukakan kepada:

Pengarah Perkembangan Perubatan  
Bahagian Perkembangan Perubatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia.

No Tel : 01-88831107  
No Faks : 03-88831105

**CARTA ALIR PERMOHONAN PROGRAM SANGKUTAN KLINIKAL BAGI GRADUAN  
PERUBATAN WARGANEGARA MALAYSIA DI FASILITI  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

Graduan perubatan dari IPTA/ IPTS dari dalam & luar negara dari:-

- Institusi yang tersenarai dalam Jadual Kedua Akta, Perubatan 1971
- Institusi yang bukan dari senarai Jadual Kedua, Akta Perubatan 1971 yang telah **Iulus** dalam *Examination For Registration (EPR)*.

Memohon untuk mendapatkan **Qualifiable Letter** dari Majlis Perubatan Malaysia (MPM)

&

kemukakan salinan **Qualifiable Letter** sebagai bukti telah layak didaftarkan oleh MPM.

Permohonan berjaya

Permohonan menerusi JKN

Permohonan gagal

Penempatan ke disiplin ditentukan oleh Pengarah Hospital/Pegawai Kesihatan Daerah.

Semak punca permohonan tidak diluluskan & kemukakan permohonan baru

Menjalani Program Sangkutan Klinikal selama 6 bulan di 2 disiplin berbeza

Menamatkan Program Sangkutan Klinikal & diberikan Sijil Penyertaan oleh pihak hospital

**BORANG PERMOHONAN BAGI PROGRAM SANGKUTAN KLINIKAL BAGI GRADUAN  
PERUBATAN WARGANEGARA MALAYSIA DI FASILITI KEMENTERIAN KESIHATAN  
MALAYSIA**

1. Maklumat Diri

Nama Penuh	
No. Kad Pengenalan	Baru :
	Lama :
Alamat Surat Menyurat	
No. Telefon	H/P :
	Rumah :
Alamat e-mail	

2. Latar Belakang Akademik

Nama Institusi Pengajian Perubatan	
Tahun Pengajian	
Nyatakan Pengalaman Klinikal, Jika Ada	

3. Maklumat Posting Yang DiPohon

Nyatakan Posting	Pilihan
	1.
	2.

Nota: Pihak berkuasa berhak menentukan mana-mana disiplin tanpa merujuk kepada permohonan anda

4. Bersama-sama ini dikemukakan :-

- i. Salinan Kad Pengenalan pemohon
- ii. Surat layak didaftarkan (*Qualifiable Letter*) dari Majlis Perubatan Malaysia
- iii. Ijazah Perubatan yang berkaitan

5. Perakuan

Dengan ini, saya mengaku bahawa:

- i. Semua maklumat yang dinyatakan di dalam boring ini adalah benar; dan
- ii. Saya telah membaca dan memahami semua peraturan berkaitan Program Sangkutan Klinikal serta bersetuju untuk mematuhi semua peraturan yang berkuatkuasa atau yang dikuatkuasa dari masa ke semasa; dan
- iii. Tidak akan menyalahkan dan juga mengambil tindakan terhadap pihak Klinik Kesihatan, Pejabat Kesihatan Daerah, Hospital dan/ atau Kementerian Kesihatan Malaysia di atas sebarang kecederaan atau kemudaratian yang dialami sepanjang menjalani Program Sangkutan Klinikal.

Terima kasih

Tandatangan Pemohon: \_\_\_\_\_ Tarikh: \_\_\_\_\_

**Lampiran III**

**SENARAI CONTINUOUS MEDICAL EDUCATION (CME) MENGIKUT DISIPLIN DALAM PROGRAM PEGAWAI PERUBATAN SISWAZAH.**

<b>JABATAN PERUBATAN</b>	
1	Management of Dengue Infection
2	Fever and Antibiotic Therapy
3	Approach to Chest Pain
4	Approach to Palpitations/ Syncope
5	Approach to Dyspnea
6	Approach to Confusion / Seizures
7	Approach to Kidney Failure
8	Diabetic and Hypertensive Emergencies
9	Management of CV Risks : DM /Hypertension/ Dyslipidemia
10	Management of Asthma /COPD
11	GIT bleeding
12	Poisoning
13	Communication and Counseling
14	Fluids Management, Electrolytes, ABG Interpretation
15	Approach to Hypotension
16	Interpretation of ECG
<b>JABATAN PEDIATRIK</b>	
1	Neonatal Jaundice
2	Respiratory Distress of the Newborn

3	Prematurity & Neonatal Hypoglycemia (IDM)
4	Breast Feeding & Nutrition in Children
5	Fits & CNS Infections
6	Child with Anemia (Thalassemia)
7	Respiratory Failure & Shock
8	Growth & Development & Immunization
9	Acute Gastroenteritis, Fluid & Electrolyte Management
10	Bronchial Asthma & Acute Asthma
11	Nephrotic Syndrome & Acute Nephritis
12	Urinary Tract Infection
13	Common Heart Conditions in Children
14	Child With Bleeding Problems
15	Acute Respiratory Infections
16	Dengue/ TB Infection

#### **JABATAN PEMBEDAHAN**

1	Fluids & Electrolytes, Acid Base Balance & ABG interpretation
2	ABC of Trauma
3	Trauma <ul style="list-style-type: none"> <li>• Management of Chest Trauma</li> <li>• Management of Abdominal Trauma</li> <li>• Management of Head Injuries &amp; Prevention of Secondary Brain Damage</li> <li>• Early Management of Burns</li> </ul>
4	Shock & Resuscitation
5	Acute Abdomen: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Acute Appendicitis</li> <li>• Perforated Peptic Ulcer</li> <li>• Acute Cholecystitis</li> </ul>

	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Acute Pancreatitis</li> <li>• Pancreatitis</li> <li>• Intestinal Obstruction</li> </ul>
6	Hepatobiliary: Jaundice Patient & Gall Stone Disease
7	Colorectal: Cancer/ Benign Conditions (Hemorrhoids, Fissures, etc.)
8	Breast: Benign & Malignant Conditions
9	Upper GI: Dyspepsia (PUD/Non Ulcer Dyspepsia/ GERD)
10	Sepsis & Rational Use of Antibiotics in Surgery (Including Surgical Prophylaxis)
11	Gastro Intestinal Bleeding
12	Neck Swellings (Thyroid/Cervical Lymph Node)
13	Inguino-Scrotal Swelling
14	Wound Management
15	Urological Emergencies- Acute Urinary Retention/ Hematuria
16	Common Surgical Procedures (CVP, Chest Tube, SPC)

#### **JABATAN ORTHOPEDIK**

1	Open Fracture
2	Pelvic Fracture
3	Spine Injuries <ul style="list-style-type: none"> <li>• Cervical X-Ray Interpretation</li> <li>• Compression Fracture, Burst Fracture, Chance Fracture</li> <li>• ASIA Charting</li> <li>• Caudal Equine Syndrome &amp; Other Spine Emergencies</li> <li>• Management &amp; Prognosis</li> </ul>
4	Dislocation <ul style="list-style-type: none"> <li>• Shoulder/ Hip/ Ligaments &amp; Meniscus Injuries of the Knee</li> </ul>
5	Paediatric Fracture <ul style="list-style-type: none"> <li>• Salter Harris</li> <li>• Supracondylar Humerus Fracture</li> </ul>

6	Fat Embolism Syndrome / Pulmonary Embolism
7	Compartment Syndrome
8	Arthritis <ul style="list-style-type: none"> <li>• Osteoarthritis, Rheumatoid Arthritis, Septic Arthritis, Degenerative Spine Disease.</li> </ul>
9	Diabetic Foot Ulcer & Gas Gangrene
10	Necrotising Fasciitis
11	Septic Arthritis
12	Osteomyelitis
13	Fracture Classification <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pipkins/ Gardens/ Evan's/ Garlands'</li> </ul>
14	Principles of immobilisation <ul style="list-style-type: none"> <li>• CMR &amp; Casting</li> <li>• Type of Traction</li> <li>• Fixation (most commonly used implants – nail/plates/ hemiarthroplasty/ THR/ TKR)</li> </ul>
15	Wound Dressing & Local Anaesthesia (finger/ankle/wrist block)
16	Orthopaedic Examinations Including Primary Survey <ul style="list-style-type: none"> <li>• Upper/lower limbs</li> <li>• Knee joint</li> <li>• Spine</li> </ul>
17	Lumps/ Bumps/ Ulcers

#### JABATAN O&G

1	Normal & Abnormal Labour
2	Hypertensive Disorder in Pregnancy
3	Obstetric Emergencies
4	Diabetes in Pregnancy
5	Other Medical Disorders in Pregnancy <ul style="list-style-type: none"> <li>• Heart Disease in Pregnancy</li> </ul>

	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bronchial Asthma</li> <li>• Thyrotoxicosis</li> <li>• Anaemia / Renal Disease / Rhesus Negative, etc</li> </ul>
6	Premature Pre-labour Rupture of Membrane/ Pre-labour Rupture of Membrane, Preterm Labour
7	Ante Partum/ Post-Partum Haemorrhage
8	Baby Friendly Hospital
9	Early Pregnancy Complications
10	Gynaecological Tumour / Oncology
11	Menstrual Disorder / Per Vaginal Discharge
12	One Stop Crisis Centre (OSCC)
13	Menopausal Issues
14	Contraception
15	UV Prolapsed/Urinary Incontinence
16	Risk Management / Bereavements Counselling / Breaking of Bad News
17	CTG interpretation

#### **JABATAN PERUBATAN KECEMASAN**

1	Basic Life Support- Certification
2	Trauma Management
3	Cardiac Life Support- Mega Code & Rhythm Recognition
4	Airway Management
5	Triage Systems
6	Toxicology- Poisoning & Envenomation
7	Disaster Management

8	Management of OSCC Cases
9	Dengue Management
10	ENT & Ophthalmology Emergencies
11	Approach to Chest Pain
12	Approach to Breathlessness
13	Approach to Altered Mental Status & Seizures
14	Approach to Shock
15	Approach to Management of Fever & Sepsis
16	Pain Management
17	Organ Donation/ Transplant
18	Endocrine Emergencies

### **KESIHATAN PRIMER**

1	Principles of Family Medicine in Primary Care
2	Immunization Schedule
3	Neonatal Jaundice
4	Child with Special Needs - Detection & Early Intervention
5	Adolescent Health - Using HEADSS as a Tool for Engaging the Adolescents.
6	Contraception
7	Management of Anaemia in Pregnancy in Primary Care
8	Management of Diabetes in Pregnancy in Primary Care
9	Management of Hypertensive Disorders in Pregnancy in Primary Care
10	Management of Type 2 Diabetes Mellitus in Primary Care
11	Management of Hypertensive Disorder in Primary Care

12	Management of Bronchial Asthma & COPD in Primary Care
13	Management of Dengue in Primary Care
14	Management of Mental Health Problem in Primary Care
15	Management of Tuberculosis in Primary Care
16	The Giant of Geriatrics

**Lampiran IV**

**SENARAI CLINICAL PRACTICE GUIDELINES YANG BERKAITAN (CPG)**

No.	Guideline Title	Publication Date
<b>Cardiovascular</b>		
1	Primary & Secondary Prevention of Cardiovascular Disease	2017
2	Management of Dyslipedemia (5 <sup>th</sup> edition)	2017
3	Diagnosis, management & Prevention of Infective Endocarditis	2016
4	Management of Heart Disease in Pregnancy (2 <sup>nd</sup> Edition)	2016
5	Prevention of Cardiovascular Disease in Women (2 <sup>nd</sup> Edition)	2016
6	Management of Heart Failure (3 <sup>rd</sup> Edition)	2014
7	Management of Acute ST Segment Elevation Myocardial Infarction(STEMI) – (3 <sup>rd</sup> Edition)	2014
8	Management of Hypertension (4 <sup>th</sup> Edition)	2013
9	Management of Atrial Fibrillation	2012
10	Management of Ischemic Stroke (2 <sup>nd</sup> Edition)	2012
11	Management of Unstable Angina/ Non - ST Elevation Myocardial Infarction (UA/NSTEMI)	2011
12	Management of Pulmonary Arterial Hypertension	2011
13	Management of Stable Angina Pectoris	2010
14	Percutaneous Coronary Intervention	2009
<b>Endocrine</b>		
15	Management of Osteoporosis (3 <sup>rd</sup> Edition)	2017
16	Management of Type I Diabetes Mellitus in Children & adolescent	2015
17	Management of Type II Diabetes Mellitus (5 <sup>th</sup> Edition)	2015
18	The Use of Growth Hormone in Children & Adults	2010
<b>Respiratory</b>		
19	Management of Drug Resistant Tuberculosis	2016
20	Treatment of Tobacco Use Disorder	2016
21	Management of Tuberculosis (3 <sup>rd</sup> Edition)	2012
22	Management of Chronic Obstructive Pulmonary Disease (2 <sup>nd</sup> Edition)	2009
<b>Infectious Disease</b>		
23	Management of Dengue Infection in Adults (3 <sup>rd</sup> Edition)	2015
24	Management of HIV Infection in Children	2008
25	Management of HIV Infection in Pregnant Women	2008

<b>Kidney Disease</b>		
26	Management of Chronic Kidney Disease in Adults	2011
<b>Cancer</b>		
27	Management of Nasopharyngeal Carcinoma	2016
28	Management of Cervical Cancer (2 <sup>nd</sup> Edition)	2015
29	Management of Breast Cancer (2 <sup>nd</sup> Edition)	2010
30	Management of Cancer Pain	2010
<b>Psychiatry &amp; Mental Health</b>		
31	Management of Autism Spectrum Disorder In Children & Adolescent	2014
32	Management of Bipolar Disorder in Adults	2014
33	Management of Dementia (2 <sup>nd</sup> Edition)	2009
34	Management of Schizophrenia in Adults	2009
35	Management of Attention Deficit Hyperactive Disorder in Children & Adolescent	2008
36	Management of Major Depressive Disorder	2007
<b>Pediatric &amp; Child Health</b>		
37	Management of Neonatal Jaundice (2 <sup>nd</sup> Edition)	2014
<b>Women's Health</b>		
38	Hormone Therapy During Menopause in Malaysia	2010
<b>Ear, Nose &amp; Throat Condition</b>		
39	Management of Rhino sinusitis in Adolescents & Adults	2016
40	Management of Otitis Media with Effusions in Children	2012
<b>Eye Condition</b>		
41	Management of Glaucoma (2 <sup>nd</sup> Edition)	2017
42	Screening of Diabetic Retinopathy	2011
<b>Hematology</b>		
43	Prevention & Treatment of Venous Thrombosis	2013
44	Management of Transfusion Dependent Thalassemia	2009
<b>Gastroenterology</b>		
45	Management of acute Variceal Bleeding	2007
<b>Rheumatology</b>		
46	Management of Osteoarthritis (2 <sup>nd</sup> Edition)	2013
47	Management of Gout	2008
<b>Skin Condition</b>		
48	Management of Psoriasis Vulgaris	2013
49	Management of Acne	2012
<b>Neurology &amp; Neurosurgery</b>		
50	Early Management of Head Injury in Adults	2015
51	Management of Multiple Sclerosis	2015

The latest list national evidence-based CPG & its implementation tools (Quick reference, training module) are accessible in the following Websites:



# SIJIL PENYERTAAN

Dengan ini disahkan bahawa

xx (nama peserta)

K/P:

Telah menyertai dan Berjaya menamatkan

Program Sangkutan Klinikal Di Hospital/Klinik  
Kesihatan xx

Mulai (Tarikh) sehingga (Tarikh)

Perakuan Pengarah Hospital